


K


MENYELAMI HIDUP ANDA






WAKSIN PELINDUNG BAYI

> Lihat muka **20 & 21**



RENCANA
UTAMA



KES demam campak di AS pernah berada pada bilangan sifar, namun sejak 2018 trend kes itu kembali naik disebabkan kewujudan golongan antivaksin.



SERAMAI 2.5 juta kanak-kanak di Filipina dilaporkan masih belum divaksin.

Imunisasi anak perlu diberi ikut jadual

Kegagalan atau keengganan menerima vaksin akan mendatangkan kemudaratan yang bukan sahaja mengakibatkan keburukan kepada rantaian kesihatan masyarakat, malah mendatangkan ancaman besar kepada dunia.

SEAWAL pukul 6 pagi, **Norzareen Abdullah**, 30, sudah bangun dan bersedia untuk membawa anak kembarnya yang berusia lapan bulan untuk mendapatkan suntikan imunisasi di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Sentul, Kuala Lumpur.

Walaupun tiba awal di klinik tersebut, segala urusan suntikan dan pemeriksaan kesihatan bersama jururawat hanya selesai sekitar 1.30 tengah hari.

Namun, menurut anak jati Kuala Lumpur itu, dia tidak sedikit pun berasa lelah menunggu dan sentiasa bersabar dengan perkhidmatan yang diberikan.

“Semuanya kerana anak-anak, untuk mengelakkan mereka terkena sebarang penyakit, saya tidak kisah menunggu lama bagi mendapatkan suntikan imunisasi.

“Kalau masa zaman P. Ramlee dahulu tidak perlukan suntikan tetapi sekarang dengan keadaan pencemaran berleluasa serta radikal persekitaran dipenuhi penyakit aneh, vaksin adalah satu kewajipan,” katanya ketika dihubungi *K2* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penyakit demam campak telah menyaksikan kenaikan sebanyak 30 peratus kes di seluruh dunia, tetapi sebab-sebab peningkatan itu adalah rumit dan tidak semua kes berkenaan disebabkan oleh kebimbangan vaksin.

Sesetengah negara yang hampir tidak menghilangkan penyakit itu juga telah mengalami kebangkitan semula termasuk Amerika Syarikat (AS).

Data Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat mencatatkan peratusan kanak-kanak berusia antara 19 hingga 35 bulan yang belum divaksin di negara itu telah meningkat sejak beberapa tahun lalu.

Ancaman

Pada tahun 2000, kes demam campak di AS pernah berada pada bilangan sifar, namun sejak 2018, trend kes itu kembali meningkat disebabkan kewujudan golongan antivaksin.

Ancaman terhadap perubatan vaksin semakin serius sehingga ia tercatat sebagai 10 ancaman kesihatan paling bahaya di dunia. Selain vaksin, ancaman kesihatan lain adalah seperti kanser, penyakit jantung, kencing manis, Ebola, HIV, denggi dan lain-lain.

Tambah ibu kepada Adam Julian Mohd. Syafik dan

Anas Julius Mohd. Syafik, apa yang membuatnya

SALAH satu jenis vaksin yang termasuk dalam jadual imunisasi KKM adalah Influenza.



MASRI

tidak pernah terlepas daripada mengikuti jadual imunisasi bayinya adalah kerana kedua-dua kembarnya merupakan bayi pramatang.

“Saya pasti, bayi pramatang memerlukan perlindungan dan penjagaan yang lebih. Siapa yang mahu anak mereka sakit. Sesal kemudian tidak berguna,” ujarnya lagi.

Sistem daya lawan (imun) bayi lemah jika dibandingkan dengan sistem imun dewasa. Oleh itu, risiko bayi untuk dijangkiti penyakit yang boleh dicegah oleh vaksin adalah lebih tinggi. Untuk menangani masalah ini, imunisasi diberikan seawal bayi baru lahir lagi seperti

suntikan BCG dan Hepatitis B. **Pakar Pediatrik dan Neonatologi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Private Specialist Centre, Dr. Masri Muhamed** berkata, vaksin mengandungi antigen yang diperoleh daripada sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria yang telah dimatikan atau dilemahkan.

“Antigen dalam vaksin berfungsi untuk merangsang sistem daya lawan jangkitan tubuh bagi membentuk imuniti terhadap jangkitan penyakit khusus.

“Manusia memerlukan vaksin kerana ia adalah cara paling selamat dan berkesan untuk mencegah kemudaratan serta komplikasi penyakit seperti difteria yang boleh membawa maut,” tuturnya.

Tambah Masri, oleh sebab itu ibu bapa disarankan mengikuti

jadual imunisasi yang telah ditetapkan pihak Kementerian Kesihatan (KKM).

Menerusi jadual imunisasi yang telah ditetapkan KKM, vaksin perlu diberikan mengikut jadual ketetapan umur, jenis imunisasi serta dos yang sesuai.

Kegagalan atau keengganan mengikut ketetapan yang disarankan akan mendatangkan kemudaratan yang bukan sahaja mengakibatkan keburukan kepada rantaian kesihatan masyarakat, malah mendatangkan ancaman besar kepada dunia.

Antitoksin

Antara implikasi tersebut adalah mudah terkena penyakit yang boleh membawa maut seperti batuk kokol, influenza jenis B, demam campak dan polio.

AS mencatatkan kematian seramai 130 orang akibat demam campak, manakala 8,500 disahkan menghidap penyakit itu.

Malah, laporan kajian Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2.5 juta kanak-kanak di Filipina masih belum divaksin.

Dalam pada itu, Masri turut menambah, penolakan terhadap vaksin akan menyebabkan rantaian imuniti berkelompok semakin lemah dan boleh terputus.

“Imuniti Kelompok atau *Herd Immunity* adalah keadaan sesebuah agen infektif (atau jangkitan) tidak dapat memasuki atau tersebar dalam kalangan suatu kelompok masyarakat oleh kerana sebahagian besar daripada anggota masyarakat tersebut mempunyai imuniti dan terlindung daripada penyebab jangkitan

tersebut," terangnya.

Memetik laporan *Kosmo!* baru-baru ini, di Johor Bahru seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun satu bulan telah meninggal dunia akibat jangkitan difteria pada 21 Februari lalu.

Menurut **Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah**, kanak-kanak berkenaan tidak pernah menerima sebarang imunisasi sejak lahir.

Kanak-kanak tersebut telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) pediatrik untuk bantuan pernafasan serta rawatan antitoksin difteria.

Wajib

Malangnya, kanak-kanak berkenaan tidak dapat diselamatkan dan meninggal dunia dengan sebab difteria yang teruk dan kegagalan beberapa organ dalaman.

"Sebagai pengetahuan, ubat antitoksin amat mahal. Satu antitoksin sahaja sudah bernilai RM5,000 dan untuk kanak-kanak berumur dua atau tiga tahun mereka memerlukan tiga atau empat antitoksin.

"Ubat tersebut juga bukan sedia ada kerana penyakit tersebut hampir lenyap. Jadi tidak semua hospital mampu menyediakan ubat tersebut," ulas Masri.

Ahli Psikologi, Dr. Maria Chong Abdullah berkata, ibu bapa harus membuat kaji selidik tentang kebaikan vaksin berbanding mengambil keputusan membuta tuli dengan menentang pengambilan imunisasi



ANTIGEN dalam vaksin berfungsi untuk merangsang sistem daya lawan tubuh bagi membentuk imuniti terhadap jangkitan penyakit khusus.

Mereka tidak berganjak langsung daripada pendirian mereka walaupun pakar-pakar perubatan telah berusaha bertungkus lumus memberi pelbagai penerangan saintifik tentang isu keselamatan penerimaan vaksin," jelasnya.

Di Malaysia, Kedah merupakan negeri tertinggi yang mencatatkan penolakan vaksin dengan 139 kes dilaporkan berbanding 133 kes pada tahun sebelumnya.

Tambahnya, sehingga kini belum ada kajian yang sah mengatakan vaksin itu memudaratkan.

Katanya lagi, lihat sahaja mengapa Arab Saudi mewajibkan jemaah umrah dan haji mengambil vaksinasi.

"Anda mahu ke Tanah Suci, anda harus ambil vaksin. Masa ini, apa yang anda jawab? Kerana tiada pilihan. Ini bukan soalan pilihan, ini wajib. Anda wajib beri vaksin kepada anak anda.



MARIA



IBU BAPA disarankan untuk mengikut jadual imunisasi yang telah ditetapkan Kementerian Kesihatan.

"Saya tahu anda sudah menerima vaksin, jadi kenapa tidak mahu anak anda turut sama menerimanya?" tegasnya.

Maria turut menambah, ibu bapa yang mendapati anak mereka sudah terlepas suntikan imunisasi dan vaksin mengikut jadual ditetapkan boleh pergi ke klinik bagi mendapatkan semula suntikan berkenaan.

Program keciciran imunisasi boleh didapati di mana-mana klinik kesihatan kerajaan secara percuma.

INFO Vaksin

- Di Malaysia, Program Imunisasi Kebangsaan diperkenalkan pada awal tahun 1950-an
- Perkhidmatan tersebut diberikan percuma di semua klinik kesihatan kerajaan untuk melindungi kanak-kanak daripada jangkitan berbahaya
- Antara penyakit berbahaya tersebut ialah hepatitis B, difteria, batuk kokol, influenza jenis B, campak, beguk, rubella, HPV dan JE
- Selain kanak-kanak, orang dewasa turut menerima suntikan vaksin seperti ibu mengandung, mereka yang akan melakukan perjalanan ke luar negara dan jika terdapat penyakit bermusim
- **Sumber:** Laman web rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia

berkenaan.

“Melalui pemerhatian dan komen saya bersama ibu bapa yang tidak mahu memvaksin anak-anak terutamanya di laman sosial, mereka ini daripada golongan bijak pandai, namun pengetahuan mereka mengenai sesuatu perkara itu terbatas dan terhad.

“Golongan ini lebih mudah percaya perkara yang ada kaitan dengan testimonial berbanding fakta saintifik.

UMUR	BARU LAHIR	1 BULAN	2 BULAN	3 BULAN	5 BULAN	6 BULAN	9 BULAN	12 BULAN	18 BULAN	21 BULAN	7 TAHUN	13 TAHUN	15 TAHUN
Jenis Imunisasi	BCG Dos 1	Hepatitis B Dos 2	DTaP Dos 1	DTaP Dos 2	DTaP Dos 3	Hepatitis B Dos 3	MMR Dos 1	MMR Dos 2	DTaP Booster	JE Dos 2 (Sesuai sahaja)	MR Dos 2	HPV Dos 1 & 2	Tetanus Booster
	Hepatitis B Dos 1		Hib Dos 1	Hib Dos 2	Hib Dos 3	Measles Dos 1 (Sesuai sahaja)	JE Dos 1 (Sesuai sahaja)		Hib Booster		DT Booster		
			Polio Dos 1	Polio Dos 2	Polio Dos 3				Polio (IPV) Booster				

JADUAL imunisasi yang wajib diambil oleh bayi dan kanak-kanak di negara ini.

Pastikan sumber maklumat sah

PADA zaman teknologi dan internet, maklumat sedia didapati dengan begitu mudah.

Namun, malangnya apabila terlalu banyak maklumat, ia boleh menjadi celaru dan menyebabkan seseorang itu memilih untuk membaca perkara-perkara yang diingini sahaja.

Menurut **Pensyarah Kluster Pendidikan dan Sains Sosial Open University Malaysia, Sarah Waheeda Muhammad Hafidz** apabila mempunyai terlalu

banyak maklumat yang mungkin menggunakan laras bahasa yang tinggi, ia akan menyebabkan seseorang itu mempunyai pandangan serta pendapat yang membawa maksud berbeza.

“Lazimnya, setiap kali melakukan bacaan seseorang itu akan cenderung menerima kandungan yang sama pendapat dengannya sahaja.

“Sudah menjadi lumrah



SARAH

manusia untuk mempunyai hubungan dengan orang yang mempunyai pendapat yang sama seperti apa yang difikirkannya,” ujarnya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Hal itu termasuklah dengan apa yang berlaku pada isu vaksin.

“Kebanyakan daripada mereka hanya bercerita mengenai kesan dan keburukan mengambil vaksin

sedangkan jika dikaji sebaiknya, kebaikan vaksin mengatasi kesan sampingan,” ujarnya.

Kata Sarah lagi, memang diakui susah untuk mengubah pandangan dan persepsi seseorang melainkan jika terkena batang hidung sendiri.

Kesimpulannya, dalam apa hal sekali pun, jangan terlalu mempercayai maklumat yang terlalu mudah didapati.

Paling mustahak, minta pendapat orang lain daripada kedua-dua belah pihak.